

Persisi rancang Pesta Silat Tiga Negara

26 FEB 1980

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah menyusun rancangan khas untuk menjayakan Pesta Silat Tiga Negara yang akan berlangsung selama dua malam berturut-turut — 27 dan 28 April depan.

Selain dari persembahan silat dalam bentuk seni yang biasa diadakan setiap tahun, Persisi kali ini akan menambahkan kegemilangan dalam acara baru silat olahraga dan juga memperbaiki persembahan-persembahan kebatinan.

Indonesia, Malaysia dan Singapura akan menghantar wakil masing-masing untuk mengambil bahagian dalam ketiga-tiga acara tersebut.

Silat olahraga akan disusun sebegini rupa untuk bukan saja memberikan persembahan yang baik, tetapi juga memuaskan ketiga-tiga negara.

Persisi bercadang merangkumkan kesemua peserta olahraga dari ketiga negara dan kemudian membahagikan mereka kepada dua bahagian.

Di setiap bahagian pula, para pesertanya akan terdiri dari para pesilat In-

onesia, Malaysia dan Singapura. Dengan ini, tidak timbul soal negara mana yang lebih baik silatnya dari yang satu lagi.

Pertentangan secara langsung antara pesilat Singapura dengan Malaysia atau Indonesia mungkin tidak akan diadakan untuk mengekalkan semangat persahabatan yang menjadi asas pengajuran pesta ini.

Jurucakap Persisi, Encik Johari Uriff, menarik perhatian bahawa bagi bahagian kebatinan yang memang kerap menarik perhatian dan selera penonton setempat, aturcaranya sebegini rupa hingga kepuasan pasti akan dapat dinikmati oleh semua yang menyaksikan pesta tersebut.

Kerjasama

"Persisi telah mendapatkan kerjasama Indonesia dan Malaysia untuk menghantar para pesilat kebatinan mereka — tetapi bukan orang yang sama seperti di tahun lalu.

"Kami telah berusaha mendapatkan handal-handalan silat kebatinan untuk memastikan minat orang ramai terhadap pesta silat dari tahun ke tahun akan dapat dikekalkan dan dikembangkan," tegasnya.

Antara pesilat kebatinan yang dimaksudkan itu termasuk beberapa jenis yang selama ini jarang



ENCIK JOHARI

kedengaran atau dilihat oleh orang ramai.

Encik Johari bagaimanapun enggan menyatakan nama pesilat atau jenis silat kebatinan yang dimaksudkannya itu tetapi menjangka persembahan mereka pasti menakjubkan.

Adalah difahamkan bahawa persilatan Nasrul Haq, sejenis silat batin yang telah dan masih menimbulkan kontroversi di Malaysia, mungkin akan turut sama memberikan persembahan mereka.

Singapura dan Indonesia juga akan diwakili dalam silat kebatinan dan untuk Singapura, mungkin termasuk wakil-wakil silat Al-Haq.